

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN BANGUNAN BARU WISMA KWONG WAH YIT POH

TEMPAT: WISMA KWONG WAH YIT POH, PULAU PINANG

TARIKH: 20 DEC 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan akhbar Kwong Wah Yit Poh kerana menjemput saya untuk merasmikan bangunan barunya 'Wisma Kwong Wah Yit Poh' yang indah tersergam ini pada hari ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan dan tenaga pengurusan akhbar Kwong Wah Yit Poh sempena ulangtahun akhbar ini yang ke-83 pada hari ini.

2. Pembinaan bangunan baru bagi sebuah akhbar yang sudah lama wujud ini jelas menunjukkan kesihatan industri persuratkhabaran di negara kita Malaysia. Biasanya akhbar tidak tahan lama. Dengan pertukaran sekitaran, kerap kali akhbar lenyap dan diganti dengan akhbar-akhbar yang baru yang lebih sesuai dengan selera zaman. Justeru itu akhbar yang berusia panjang adalah unik dan pemilikinya berhak berbangga dengan ketahanannya.

3. Dalam jangkamasa 83 tahun negara kita telah melalui pemerintahan yang bertukar bersilih-ganti. Akhbar Kwong Wah Yit Poh mula diterbitkan di zaman pemerintahan British. Di zaman kolonial itu tidak ada kebebasan bagi akhbar-akhbar milik penduduk tempatan. Akhbar yang popular pada masa itu ialah The Straits Times dan The Straits Echo, akhbar berbahasa Inggeris yang menyokong kerajaan kolonial.

4. Apabila Malaya jatuh ke tangan Jepun, akhbar milik orang tempatan tidak dapat diterbitkan. Hanya ada beberapa 'Shimbun' keluaran Pemerintahan Tentera Jepun.

5. Akhbar tempatan dapat diterbitkan semula selepas Tanah Melayu diperintah semula di bawah British Military Administration atau B.M.A. Penerbitan akhbar dapat diteruskan setelah Pentadbiran Tentera British digantikan dengan kerajaan sivil Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu atau Federation of Malaya. Pada tahun 1957 Persekutuan Tanah Melayu atau Federation of Malaya mencapai kemerdekaan dan memilih sistem demokrasi berparlimen. Dari masa itu industri persuratkhabaran mula berkembang maju. Hari ini, kerana kebebasan tertentu yang diberikan kepada industri ini, terdapat banyak akhbar dan majalah yang baru serta berkualiti yang diterbitkan di seluruh negara. Dengan ini akhbar-akhbar yang lama seperti Kwong Wah Yit Poh terpaksa menghadapi persaingan yang hebat. Bahawa akhbar

Kwong Wah Yit Poh dapat terus diterbitkan bermakna ianya dapat menyesuaikan diri dengan selera masyarakat dari sebelum hingga selepas merdeka serta generasi kini yang lebih terpelajar dan lebih kritikal. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kwong Wah Yit Poh.

6. Malaysia kerap dituduh oleh negara-negara Barat dan media mereka sebagai tidak memberi kebebasan berakhbar. Kononnya semua akhbar di Malaysia dikawal oleh Kerajaan supaya tidak mengkritik Kerajaan. Ini dikatakan bertentangan dengan amalan demokrasi. Negara-negara demokratik di Barat dan beberapa negara di Asia kononnya memberi kebebasan sepenuhnya kepada akhbar-akhbar mereka.

7. Sebenarnya tidak ada negara di dunia ini, sama ada demokratik atau tidak demokratik di mana akhbar benar-benar bebas dan melaporkan kejadian yang sebenar. Semua berita, rencana atau pojok dalam media cetak atau elektronik dikawal oleh pihak tertentu sehingga pembaca atau pendengar hanya akan mendapat laporan atau rencana yang dipengaruhi oleh pihak ini sahaja. Mereka yang menguasai akhbar menapis semua berita supaya kepentingan mereka terpelihara dan diutamakan.

8. Pihak yang menguasai akhbar tidak selalunya kerajaan. Kerapkali yang menguasai media ialah pemilik atau pengarang atau pemberitanya. Sama ada kerajaan atau pengarang atau pemilik atau pemberita, hakikatnya ialah mereka mengawal akhbar atau majalah. Kawalan oleh sesiapa juga bermakna kebebasan tidak ada. Jika Kerajaan yang demokratik yang mengawal, sekurang-kurangnya mereka dipilih dan direstui oleh rakyat. Pihak lain tidak dipilih atau direstui oleh rakyat. Mereka bertindak hanya bagi kepentingan mereka atau kepentingan falsafah atau ideologi mereka sendiri. Kongkongan oleh orang perseorangan atau kumpulan tertentu adalah lebih tidak adil daripada kawalan oleh Kerajaan.

9. Demikian yang berlaku di negara-negara Barat yang didakwa sebagai demokratik. Akhbar-akhbar mereka kerap memihak kepada puak Konservatif atau puak Buruh atau apa juga parti yang ada. Berita, analisa berita, pojok, rencana pengarang dan 'slant' berita dalam akhbar yang memihak kepada Konservatif tetap mendokong puak dan Kerajaan Konservatif. Sebaliknya akhbar yang cenderung kepada Parti Buruh tetap mendewa-dewakan falsafah sosialis dan Kerajaan Buruh jika Parti Buruh memerintah. Secara langsung ada akhbar mereka dikawal oleh Kerajaan. Yang lain dikawal oleh pembangkang. Dan yang 'bebas' dikawal oleh pemilik atau pengarangnya.

10. Di dalam akhbar-akhbar ini, penulis atau orang ramai yang mempunyai pendirian yang bertentangan tidak dilayan atau dilayan secara terhad sahaja. Jika pendapat yang bertentangan dengan akhbar berkenaan disiarkan, maka pihak pengarang akan menjawab tentangan itu dalam keluaran itu juga. Kemudian diulangi jawapan berkali-kali sehingga pendapat penentang dapat dihapuskan.

11. Sementara amalan ini diterima di negara Barat sebagai secocok dengan demokrasi, tetapi jika negara seperti Malaysia mempunyai akhbar yang menyokong Kerajaan, maka dengan serta merta tuduhan dibuat kononnya Kerajaan mengawal semua akhbar. Bahawa adanya akhbar yang menentang dan mencerca Kerajaan di negara ini tidak diambilkira. Tumpuan hanya diberikan terhadap akhbar- akhbar yang menyokong Kerajaan, sebagai tanda kononnya tidak ada kebebasan berakhbar di negara ini.

12. Justeru itu apabila sahaja laporan dibuat oleh akhbar Barat berkenaan Malaysia, ianya tidak pernah lupa menekankan soal tidak adanya kebebasan berakhbar di negara ini. Bahawa mereka sendiri dikongkong dan dikuasai oleh pihak-pihak tertentu tidak sedikitpun memalukan mereka.

13. Demikianlah kongkongan terhadap akhbar-akhbar oleh pemilik-pemilik di Barat sehingga ada tuannya sebuah akhbar menggunakannya untuk mendedahkan keburukan seorang pengusaha lain kerana pengusaha itu berjaya mengambilalih satu rangkaian 'department store' di United Kingdom yang diminati oleh tuannya akhbar yang terkenal itu.

14. Kebebasan akhbar juga telah menyebabkan laporan-laporan yang tidak berasas disiarkan sehingga memburuk-burukkan negara atau individu tertentu. Kadangkala laporan-laporan akhbar itu berjaya menggagalkan usaha-usaha perdamaian di antara dua negara yang berperang. Demikian juga kadang-kadang disiarkan laporan-laporan yang palsu dan tidak benar sama sekali.

15. Dalam keghairahan untuk mendapatkan berita, perasaan mangsa-mangsa tragedi umpamanya, sering tidak dipedulikan. Dengan kasarnya soalan-soalan diajukan dengan bertalu-talu oleh wartawan-wartawan kepada sasaran mereka walaupun mereka ini masih dalam keadaan sedih dan pilu.

16. Penjenayah dan pembunuh dibayar dengan bayaran yang amat tinggi untuk mendapatkan cerita mereka sehingga mereka ini menjadi kaya-raya kerana melakukan jenayah. Sebaliknya pendedahan dibuat terhadap si mangsa, sama ada benar atau tidak, sehingga si mangsa pula mengalami tekanan jiwa. Semua ini dibuat dengan alasan 'sanctity of press freedom'.

17. Di Malaysia kita mempunyai beberapa 'sensitivities' -- antaranya ialah sensitiviti berkenaan kaum. Sensitiviti ini jika dipermain-mainkan boleh membawa kepada rusuhan kaum dan huru-hara. Atas sebab itu Kerajaan terpaksa mengawal penerbitan akhbar. Ini adalah satu alat yang berkesan untuk menentukan akhbar-akhbar di Malaysia tidak sengaja memainkan isu-isu kaum sehingga boleh mencetuskan rusuhan kaum.

18. Selain daripada itu, akhbar-akhbar di Malaysia adalah bebas. Dan ini jelas daripada isi kandungan beberapa akhbar.

